



SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG PENANG PORT COMMISSION

GARIS PANDUAN KUTIPAN BAYARAN CAJ PESISIR DEPAN (FORESHORE) BAGI AKTIVITI PENAMBAKAN, TEBUSGUNA, PEMBINAAN JETI, PEPASANGAN, TERMINAL DAN YANG SETARA DENGANNYA DALAM LINGKUNGAN HAD PELABUHAN PULAU PINANG

Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling Pelabuhan No.2/2024 bertarikh 29 Disember 2023 berkaitan Penguatkuasaan Caj Pesisir Depan (*Foreshore*).

1. OBJEKTIF

- 1.1. Menyelaras dan menetapkan prosidur yang perlu dipatuhi oleh pemilik projek/ kontraktor/ ejen perkapalan/ mana-mana pihak yang dipertanggungjawabkan bagi mengemukakan dokumen berkaitan dan menjelaskan kutipan bayaran Caj Pesisir Depan (*Foreshore*) selaras dengan Pekeliling Pelabuhan No.2/2024.

2. PROSIDUR

- 2.1. Pemilik projek/ kontraktor/ ejen perkapalan/ mana-mana pihak yang dipertanggungjawabkan bagi kerja-kerja penambakan, tebusguna, pembinaan jeti, pemasangan, terminal dan yang setara dengannya dalam lingkungan Had Pelabuhan Pulau Pinang perlu mendapatkan Surat Tiada Halangan SPPP sebelum aktiviti dilaksanakan selaras dengan Pekeliling Pelabuhan No.3/2020 - Permohonan Kebenaran Menjalankan Projek/Aktiviti Marin Dalam Had Pelabuhan Pulau Pinang.
- 2.2. Pemilik projek/ kontraktor/ ejen perkapalan/ mana-mana pihak yang dipertanggungjawabkan perlu mengemukakan *Bank Guarantee* pada kadar dan tempoh yang akan ditentukan oleh SPPP.
- 2.3. Pemilik projek/ kontraktor/ ejen perkapalan/ mana-mana pihak yang dipertanggungjawabkan hendaklah memajukan dokumen *inward (K4) manifest* yang telah disahkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia, *packing list* dan salinan invois/ bukti bayaran antara pihak penjual dan pihak pembeli.
- 2.4. Dokumen tersebut hendaklah dimajukan kepada SPPP selewat-lewatnya dalam tempoh 7 hari setiap kali selesai aktiviti penghantaran ke tapak projek.
- 2.5. Penghantaran dokumen boleh dibuat terus melalui emel kepada Pegawai SPPP seperti berikut:

En. Zulkeffli Bin Md Desa	En. Muhamad Syafiq Bin Rizani
No Telefon : +6012-4031626	No Telefon : +6014-6071791
Emel: zulkeffli@penangport.gov.my	Emel : syafiq@penangport.gov.my
- 2.6. Carta alir prosidur kutipan bayaran Caj Pesisir Depan (*Foreshore*) adalah seperti di **Lampiran A**.

3. BAYARAN

3.1. Caj yang akan dikenakan adalah sepertimana dinyatakan di Bahagian 2, Jadual Kedua Undang-Undang Kecil Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pelabuhan Pulau Pinang) (Skala Kadar) 2021 di mana setiap tan muatan kargo kapal ialah RM2.00.

BAHAGIAN 2
CAJ PESISIR DEPAN JETI PERSENDIRIAN, PEPASANGAN DAN TERMINAL
[perenggan 16(1)]

<i>Perihal</i>	<i>Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
Setiap kargo yang melintasi pesisir depan	2.00


3.2 Pembayaran hendaklah dibuat terus ke akaun bank seperti berikut,

NAMA AKAUN : SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
NOMBOR AKAUN : 8603 2246 66
BANK : CIMB ISLAMIC

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. VIJAYAINDIARAN A/L R.VISWALINGAM)
Pengurus Besar
Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang

Carta Alir Kutipan Bayaran Caj Pesisir Depan (Foreshore) Terhadap Aktiviti Penambakan, Tebusguna, Pembinaan Jeti, Pemasangan, Terminal Dan Yang Setara Dengannya Dalam Lingkungan Had Pelabuhan Pulau Pinang

Pemilik projek/ kontraktor/ ejen perkapalan/ mana-mana pihak yang dipertanggungjawabkan

Pemilik projek/ kontraktor/ ejen perkapalan/ mana-mana pihak yang dipertanggungjawabkan

Pemilik projek/ kontraktor/ ejen perkapalan/ mana-mana pihak yang dipertanggungjawabkan


Unit Marin SPPP

Unit Marin SPPP

Unit Kewangan SPPP

Pemilik projek/ kontraktor/ ejen perkapalan/ mana-mana pihak yang dipertanggungjawabkan

Unit Marin/ Unit Kewangan SPPP



- Mendapatkan Surat Tiada Halangan SPPP sebelum aktiviti dilaksanakan selaras dengan Pekeliling Pelabuhan No.3/2020

- Mengemukakan *Bank Guarantee* pada kadar dan tempoh yang akan ditentukan oleh SPPP

- Mengemukakan serahan dokumen lengkap seperti di para 2.3 selewat-lewatnya dalam tempoh 7 hari setiap kali selesai aktiviti penghantaran ke tapak projek melalui emel kepada SPPP

- Semakan dan pengesahan dokumen oleh Unit Marin SPPP

- Unit Marin email permohonan pengeluaran invos kepada Unit Kewangan dalam tempoh 3 hari bekerja

- Pengeluaran invois kepada pemohon oleh Unit Kewangan SPPP dalam tempoh satu hari bekerja

- Jelas bayaran oleh pemohon dalam tempoh 30 hari

- Failkan dan simpanan rekod-rekod berkaitan